

Hepatitis C lebih bahaya

KUALA LUMPUR - Selain daripada HIV dan Aids, Hepatitis C adalah penyakit berjangkit yang harus diberi perhatian kerana ia membunuh secara senyap dan risiko jangkitannya tinggi serta amat merbahaya.

Presiden Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih), Mohd Yunus Pathi berkata, penyakit HIV/Aids sering diketengahkan dan diberi perhatian seolah-olah ia adalah segala-galanya.

Menurutnya, sebenarnya Hepatitis C lebih berbahaya daripada segi jangkitan berbanding HIV/Aids kerana penyakit itu boleh merebak dalam kalangan manusia dengan pantas dan mudah.

"Selain daripada kita melihat isu penagihan, kita juga kena lihat penyakit berbahaya lain seperti Bipolar, Hepatitis C dan sebagainya yang tidak pernah diketengahkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutupan Program Penempatan Terapi Kekeluargaan (TK) kepada pegawai-pegawai Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Siri 2/2009 di Rumah Pengasih, dekat sini.

Perasmian penutupnya disempurnakan Timbalan Ketua Pengarah Operasi AADK, Profesor Dr Mahmood Nazar Mohamed dan hadir sama, Pengarah Bahagian Rawatan dan Pemulihan AADK, Lasimon



● (Duduk dari kiri) Jamal, Mohd Yunus, Lasimon, Dr Mahmood, Mohammad Nazer dan Tuan Azemin bersama barisan peserta Program Penempatan TK di Rumah Pengasih.

Matokrem; Ketua Penolong Pengarah Pemulihan AADK, Mohammad Nazer Mustafa dan Pengarah AADK Wilayah Persekutuan, Tuan Azemin Tuan Draman serta penyanyi terkenal, Jamal Abdillah.

Katanya, dalam konteks rawatan dan pemulihan menerusi kaedah TK, penagih dadah yang mengikutinya mempunyai dua keluarga iaitu keluarga pilihan dan keluarga kekal. Mohd Yunus berkata, Pengasih adalah keluarga pilihan dan dalam keluarga itu terdapat semua kaedah yang digunakan untuk mengembalikan bekas penagih dadah kepada perspektif keluarga dalam arus perdana.

Sementara itu, Pengarah Latihan Pengasih, Hafizi Harun berkata, seramai 14 pegawai AADK dan Pusat Pemulihan Penagih Narkotik (Puspen) mengikuti Program Penempatan TK siri kedua itu serta dua kumpulan lagi bakal mengikuti program

yang sama dalam masa terdekat.

Menurut beliau, melalui program itu, pegawai AADK tinggal di Pengasih selama seminggu dan mereka didedahkan dengan pendekatan yang digunakan dalam merawat serta memulihkan para pengguna dadah di situ.

"Selain mendapat pendedahan dan pengalaman secara langsung, mereka juga diberi peluang berinteraksi dengan pelanggan-pelanggan kami serta mengikuti setiap aktiviti yang dijalankan.

"Daripada pagi sehingga petang peserta akan menjalani rutin seharian seperti mereka yang sedang menerima rawatan di sini antaranya mengikuti terapi kelompok, seminar, kaunseling kelompok, ceramah keagamaan dan bacaan Yasin," katanya.

Hafizi berkata, peserta program itu akan menghayati kehidupan yang dilalui oleh penagih dadah dalam TK dan mereka akan lebih memahami perasaan,

emosi, apa yang bermain di fikiran atau proses yang dialami secara langsung oleh seseorang penghuni Rumah Pengasih.

Katanya, selain AADK terdapat juga agensi kerajaan lain yang menghantar para pegawainya menjalani latihan di Pengasih antaranya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Bomba dan Penyelamat termasuk agensi antarabangsa.

"Dalam masa terdekat ini kita akan menerima kunjungan lapan orang kakitangan Biro Koordinasi Narkotik Brunei dan apa yang membuatkan Pengasih diminati adalah keunikannya kerana diterajui secara eksklusif oleh bekas penagih dadah," katanya.

Menurut Hafizi, setakat ini terdapat seramai 130 orang lelaki dan wanita yang terdiri daripada pelbagai usia, bangsa serta agama termasuk daripada luar negara sedang menjalani rawatan dan pemulihan di Pengasih.

**cepat
berjangkit**